# UMS Beri Sumbangan kepada Alumni Ditimpa Musibah

UB 30.6.2019 A19

TAWAU: Nasib keluarga salah seorang alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS), Norellyana Rubaui yang kehilangan tempat tinggal akibat kebakaran baru-baru ini di Kampung Sungai Gading Batu 15, mendapat perhatian UMS melalui Pusat Kerjaya dan Alumni untuk melawat dan menyampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran.

Lawatan tersebut bertujuan untuk membantu, memberi sokongan moral dan sumbangan wang tunai kepada keluarga mangsa yang juga merupakan alumni UMS tahun 2018, graduan Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan (FKSW).

Menurut Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Datuk KY Mustafa, UMS sentiasa prihatin terhadap musibah yang melanda warganya termasuk para alumni UMS.



**NORELLYANA (empat dari kiri) menerima sumbangan daripada KY Mustafa (empat dari kanan) sambil disaksikan Ismail Ali (tiga dari kanan), Nurlaila (dua dari kanan) dan Dr. Lai (tepi kanan) serta keluarga Norellyana (tepi kiri).**

UMS turut melawat sekali gus menyampaikan sumbangan kepada seorang lagi graduan tahun 1999, Ramlan Ali yang mengalami masalah kesihatan iaitu separa strok.

Menurut Pengarah Pusat Kerjaya dan Alumni Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng, kedua-dua alumni ini.

Turut serta dalam kunjungan ini, Pengarah Tabung Haji Negeri Sabah Datin Hajah Nurlaila Said, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Profesor Dr. Ismail Ali dan Penolong Pendaftar Kanan Victor Gondipon.